

ISU PROJEK RM4 JUTA DBKL

Menteri dapat laporan minggu depan

Putrajaya: Tiada kompromi bagi perkara membabitkan salah laku tatakelola sehingga menjejaskan aspek integriti di Wilayah Persekutuan, tegas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.

Merujuk kepada dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta, Dr Zaliha berkata, siasatan dalaman berhubung kes berkenaan dijalankan dan beliau dijangka mendapat laporan penuh mengenainya pada minggu hadapan.

“Siasatan dalaman dijalankan, kalau tidak bereslah tiada masalah, tetapi jika terkait maka kita ambil tindakan seterusnya.

“Tidak mengapa kalau beliau menafikan tuduhan tersebut (kerana) itu haknya, tapi kita dari sudut tatakelola jabatan dan agensi, kita kena jalankan yang sepatutnya,” katanya ke selepas merasmikan Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya di Taman Botani, Presint 1 di sini, semalam.

Pada 28 Januari, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif mengesahkan DBKL melancarkan

siasatan dalaman itu dengan kerjasama unit integriti DBKL.

Dakwaan salah laku itu sebelum ini tular di media sosial, membabitkan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL bernilai RM4 juta, yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Bagaimanapun, ahli lembaga penasihat DBKL itu kelmarin menerusi laman Instagramnya memuat naik kenyataan yang menafikan sekeras-kerasnya terdapat apa jua unsur salah laku dalam perolehan projek itu.